

melepaskan saya dan berkata” bacalah! Saya menjawab:” Saya tidak pandai membaca”. Nabi s.a.w. menceritakan lagi; “Seterusnya dia memegang dan menekan saya buat kali ketiga, kemudian melepaskan saya lantas dia berkata : “ إقرأ بسم ربك الذى خلق... ” (bacalah dengan nama tuhanMu)...”.²⁸ Rasulullah s.a.w. membawa pulang wahyu itu dalam keadaan hatinya berdebar-debar. Beliau s.a.w. pun masuk menemui Khadijah binti Khuwailid seraya berkata : “Selimutkan saya..! Selimutkan saya... ! Mereka pun meyelimutkannya sehingga hilanglah rasa takut Beliau. Rasulullah s.a.w. menceritakan apa yang berlaku kepada Khadijah dan seterusnya berkata “Sesungguhnya aku benar-benar bimbangkan diriku.”²⁹ Khadijah berkata : “Tidak! Demi Allah, sampai bila pun

²⁸ Dalam usaha membangkitkan kesedaran Nabi s.a.w. terhadap identiti dan potensi diri Baginda, Allah s.w.t. telah memulakan wahyu pertama dengan mengingatkan Baginda bahawa Allah amat berkuasa mencipta dan memuliakan manusia. Jika sebelum itu, Nabi s.a.w. merasakan bahawa dirinya hanyalah seorang hamba Allah yang lemah sama seperti insan-insan yang lain, maka Allah s.w.t. hendak mengingatkan Baginda bahawa penciptaan manusia hanyalah bermula daripada segumpal darah. Jika Dia mampu mengubah gumpalan darah tersebut kepada seorang manusia yang mulia, maka Dia juga mampu mengubah peribadi Baginda daripada seorang manusia biasa kepada seorang nabi yang mulia. Salah satu cara Allah mengubah mentaliti dan paradigma manusia daripada kehinaan kepada kemuliaan adalah dengan ia meningkatkan ilmu dan belajar. Inilah yang hendak dicetuskan oleh wahyu pertama dengan arahan ‘*Bacalah*’ itu. Malah jika diperhatikan lagi kandungan wahyu pertama yang juga mengandungi perkataan ‘*pena*’, jelaslah ia menunjukkan wahana Allah memberi ilmu kepada manusia adalah dengan membaca dan menulis. Dengan itu tepat sekalilah da’waan golongan yang berpendapat bahawa Nabi s.a.w. telah mendapat kemampuan membaca dan menulis serentak ketika menerima wahyu pertama itu.

²⁹ Golongan anti hadits dan Syi’ah telah mengambil kesempatan daripada potongan hadits di atas untuk mempertikai dan menolak hadits yang sahih ini. Kata mereka, tidak masuk akal hati Rasulullah s.a.w. berdebar-debar dan Baginda s.a.w. ketakutan sebegitu rupa sehingga menyuruh ahli keluarga menyelimutkannya. Dan kemuncaknya bagaimana Nabi s.a.w. boleh berkata: “Sesungguhnya aku benar-benar bimbangkan diriku.” Bagi mereka hadits ini tidak mungkin sahih, bahkan ia adalah hadits maudhu’ (palsu) kerana beberapa alasan berikut ini: (1) Ia jelas menunjukkan kekurangan Nabi s.a.w. Mana boleh seorang nabi takut? Takutnya pula kepada Jibril! Sepatutnya Nabi s.a.w. bergembira kerana telah dilantik sebagai nabi dan rasul. Apa ertinya Beliau s.a.w. berkata: “Sesungguhnya aku benar-benar bimbangkan diriku.” Adakah Nabi s.a.w. bimbang akan dibunuh oleh Jibril? (2) Hadits ini menggambarkan Nabi s.a.w. seolah-olahnya tidak yakin dengan kebenaran wahyu yang dibawa oleh Jibril a.s. kepadanya. Nabi s.a.w. juga digambarkan macam tidak berapa pasti bahawa yang datang kepadanya itu adalah Jibril. Kalau yakin, maka untuk apa pergi berjumpa Waraqah dengan isterinya Khadijah r.a.? Dan kalau pasti, kenapa bila Nabi s.a.w. menceritakan tentang seseorang yang datang kepadanya di gua Hiraa’ itu, Waraqah berkata: “Itu ialah Namus yang Allah telah turunkan kepada Musa.”

Nabi s.a.w. diam saja pada ketika itu. (3) Ia menampakkan Rasulullah s.a.w. kerdil di hadapan seorang paderi Kristian. Agama Islam pula kelihatan rendah dan hina di hadapan agama Kristian. Mana mungkin Nabi s.a.w. akan meruju' kepada seorang paderi kristian untuk menentukan kedudukan dirinya dan kebenaran agama yang dibawanya?? **Jawapan kepada alasan (1) ialah** di mana tersebut di dalam hadits ini Rasulullah s.a.w. takut kepada Jibril? Yang menyebabkan Nabi s.a.w. takut dan hati Baginda s.a.w. berdebar-debar ialah kerisauan Nabi s.a.w. terhadap kemampuan Baginda sebagai seorang manusia dalam melaksanakan tanggungjawab dan menghadapi penentangan musuh-musuh yang akan datang sepanjang hayat Baginda. Di sana mungkin juga akan berlaku sedikit sebanyak kecuaiian atau kegelinciran dalam menyampaikan dan mempraktikkan tugas berat yang baru diterima Baginda. Tekanan oleh Jibril seketika menyampaikan wahyu pertama juga membuatkan Rasulullah s.a.w. ketakutan. Fikir Baginda, kalau tekanan dalam pertemuan kali pertama itu mengakibatkan Baginda kehabisan daya dan tenaga, bagaimanalah nanti apabila menerima wahyu-wahyu seterusnya. Mungkinkah dengan menerima tekanan-tekanan seperti itu, di samping beban wahyu yang sememangnya berat nanti, nyawa Baginda akan terancam atau kesihatan Baginda akan terjejas kerananya?! Ini semualah yang menyebabkan beliau risau dan ketakutan sebegitu rupa. Dengan mengatakan sepatutnya Rasulullah s.a.w. bergembira kerana telah dilantik menjadi nabi dan rasul, seolah-olahnya kita menyamakan Baginda dengan calon yang menang pilihan raya. Di mana dengan memperolehi kemenangan itu ia dijulung oleh para penyokong dan terbayanglah di hadapan matanya sekian-sekian banyak gaji bulanan yang akan diterimanya. Sebanyak mana pula peluang dan keistimewaan yang akan diperolehi daripada jawatan yang akan disandangnya nanti dan sebagainya. Jawatan kenabian dan kerasulan tidak menjanjikan sorak-sorai penyokong, gaji yang lumayan dan habuan dunia yang boleh mempesonakan seseorang yang dilantik menjadi nabi dan rasul. Ia adalah suatu jawatan yang penuh dengan tanggungjawab dan kesukaran. Bagaimana Nabi s.a.w. akan bergembira kerana mendapatnya? Soal takut, itu adalah salah satu naluri semula jadi manusia. Bukankah para nabi dan rasul itu manusia? Kalau mereka manusia, tentulah sifat takut itu ada juga pada mereka. Kenapa pula dengan sebab itu dinafikan kesahihan hadits ini? Padahal bukan hadits ini sahaja menyatakan perasaan takut itu ada pada para nabi a.s. Al-Qur'an sendiri ada menyatakannya. Adakah al-Qur'an juga kamu akan pertikaikan? Adakah kamu akan menolak ayat-ayat al-Qur'an itu? Lihat satu per satu ayat-ayat di bawah ini dan lihatlah bahagian yang bergaris terjemahannya. Bagaimana Allah menjelaskan para nabi dan rasulNya juga mempunyai naluri takut:

(a)

فَأَوْحَسَ فِي نَفْسِهِ خِيفَةً مُوسَى ۖ قُلْنَا لَا تَخَفْ إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعْلَى ۚ

Bermaksud: Maka Musa berasa takut dalam hatinya. 67. Kami berkata: "Jangan takut, sesungguhnya engkau lebih tinggi (akan menang)". 68. (Thaha:67-68).

(b)

قَالَ رَبِّ إِنِّي قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَنْ يَقْتُلُونِ ۚ

Bermaksud: Nabi Musa berkata: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah membunuh seorang dari kalangan mereka; oleh itu aku takut mereka akan membunuhku." (al-Qashash:33).

(c)

فَلَمَّا رَأَوْا أَيْدِيَهُمْ لَا تَصِلُ إِلَيْهِ نَكَّرَهُمْ وَأَوْحَسَ مِنْهُمْ خِيفَةً قَالُوا لَا تَخَفْ إِنَّا أَرْسَلْنَا إِلَى قَوْمِ لُوطٍ ۖ

Bermaksud: Maka tatkala dilihatnya tangan mereka tidak menjamahnya, Ibrahim memandang aneh perbuatan mereka, dan berasa takut kepada mereka. Malaikat-malaikat itu berkata: “Jangan kamu takut, Sesungguhnya kami adalah (malaikat-malaikat) yang diutus kepada kaum Luth.” (Hud:70).

(d)

إِذْ دَخَلُوا عَلَى دَاوُدَ فَفَرَّغَ مِنْهُمْ قَالُوا لَا تَخَفْ خَصِمَانِ بَغَى بَعْضُنَا عَلَى بَعْضٍ فَأَحْكُم بَيْنَنَا بِالْحَقِّ وَلَا تُشْطِطْ وَاهْدِنَا إِلَى سَوَاءِ

الضَّرَاطِ ۖ

Bermaksud: ketika mereka masuk (menemui) Daud lalu dia terkejut karena (kedatangan) mereka. Mereka berkata: “Janganlah takut, (kami ini) adalah dua orang yang berselisihan, salah seorang dari kami telah berlaku zalim kepada yang lain; oleh itu hukumkanlah di antara kami dengan adil, dan janganlah kamu menyimpang dari kebenaran dan tunjukilah kami ke jalan yang lurus. (Shaad:22).

(e)

قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِي أَنْ تَذْهَبُوا بِهِ وَأَخَافُ أَنْ يَأْكُلَهُ الذِّئْبُ وَأَنْتُمْ عَنْهُ غٰفِلُونَ ۖ

Bermaksud: Bapa mereka (Ya`qub) menjawab: “Permergian kamu dengan membawanya bersama sangatlah mendukacitakan daku, dan aku pula bimbang (takut) ia akan dimakan serigala, ketika kamu lalai dari mengawalinya.” (Yusuf:13).

(f)

وَتَبَيَّنَهُمْ عَنْ صَافٍ إِبْرَاهِيمَ ۖ إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا قَالَ إِنَّا مِنْكُمْ وَجِلُونَ ۖ قَالُوا لَا تَوْجَلْ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ عَظِيمٍ ۖ

Bermaksud: dan khabarkanlah kepada mereka perihal tetamu (Nabi) Ibrahim. 51. ketika mereka masuk mendapatkannya lalu mengucapkan: “Salaam”. Dia (Ibrahim) berkata: “Sesungguhnya kami berasa takut kepada kamu”.52. Mereka menjawab: “Janganlah engkau takut, sebenarnya kami hendak mengembirakanmu dengan berita bahawa engkau akan mendapat seorang anak lelaki yang bakal menjadi seorang yang berilmu”. 53. (al-Hijr:51-53).

(g)

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَاتَّقِ اللَّهَ وَتُخْفَى فِي نَفْسِكَ مَا اللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى النَّاسَ وَاللَّهُ أَحَقُّ

أَنْ تَخْشَاهُ ۖ فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاهَا لَكِنِّي لَا يَكُونُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِي أَزْوَاجِ أَدْعِيَائِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرًا وَكَانَ

أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا ۖ

Bermaksud: dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan ni`mat oleh Allah (ni`mat Islam) dan yang engkau juga telah berbuat baik kepadanya: “Jangan ceraikan isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah”, sambil engkau menyembunyikan dalam hatimu perkara yang Allah akan menyatakannya; dan engkau pula takut kepada (cacian) manusia padahal Allah jualah yang berhak engkau takuti. Kemudian setelah Zaid selesai habis kemahuannya terhadap isterinya (dengan menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang-orang yang beriman untuk berkahwin

dengan isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah selesai habis kemahuannya terhadap isterinya (lalu menceraikannya). dan adalah ketetapan Allah itu pasti terjadi. (al-Ahzaab:37). **Ayat-ayat yang dikemukakan di atas** dengan jelas menunjukkan bahawa nabi-nabi juga mempunyai perasaan takut sesuai dengan sifat mereka sebagai seorang manusia. Bukan nabi-nabi biasa yang mempunyai sifat takut itu, malah nabi-nabi Ulil 'Azmi juga tidak terkecuali daripada mempunyai naluri tersebut. Sekiranya sifat-sifat seperti itu hendak dipertikaikan, berereti kamu juga telah menari mengikut rentak orang-orang kafir yang mempertikaikan kemanusiaan para nabi dan rasul. Lihat bagaimana Allah menggambarkan kemusykilan mereka melalui firmanNya ini:

وَقَالُوا مَالِ هَذَا الرَّسُولِ يَأْكُلُ الطَّعَامَ وَيَمْشِي فِي الْأَسْوَاقِ لَوْلَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مَلَكٌ فَيَكُودُ مَعَهُ نَذِيرًا ۚ

Bermaksud: dan mereka berkata: “Mengapa Rasul ini makan minum dan berjalan di pasar-pasar (seperti manusia yang lain)? Sepatutnya diturunkan malaikat kepadanya, supaya malaikat itu turut memberi peringatan dan amaran bersama-sama dengannya (sebagai saksi yang membenarkannya)”. (al-Furqaan:7). **Kata-kata Nabi s.a.w. bahawa:** “Sesungguhnya aku benar-benar bimbangkan diriku”, tidaklah kerana Beliau s.a.w. takut Jibril membunuhnya atau mengapa-apakannya. Ini kerana sabda Baginda s.a.w. *'aku bimbangkan diriku'* itu boleh dikaitkan dengan masa yang telah lalu. Seolah-olahnya Baginda s.a.w. berkata: “Sesungguhnya aku benar-benar bimbangkan diriku tadi”, iaitu apabila ditekan dengan begitu teruk oleh Jibril a.s. sehingga Baginda s.a.w. kehabisan daya dan tenaga. Ia juga boleh dikaitkan dengan masa akan datang. Seolah-olahnya Nabi s.a.w. berkata: “Sesungguhnya aku benar-benar bimbangkan diriku nanti / kelak”, iaitu apabila berhadapan dengan pelbagai rintangan dan ujian yang boleh mengancam nyawa Baginda dalam usaha melaksanakan tanggungjawab yang baru diserahkan kepadanya itu.

Jawapan kepada alasan (2) ialah perginya Rasulullah kepada Waraqah bukan kerana tidak yakin dengan kebenaran wahyu yang dibawa oleh Jibril a.s. kepadanya. Bukan juga untuk mendapat kepastian daripada Waraqah tentang orang yang menemui Rasulullah dalam peristiwa yang diceritakan oleh Baginda kepada Waraqah itu sama ada Jibril atau bukan. Tidak ada pun pertanyaan berbentuk seperti itu diajukan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Waraqah, baik di dalam riwayat ini atau riwayat-riwayat yang lain. Pertama sekali perlu diingat bahawa perginya Rasulullah s.a.w. untuk menemui Waraqah itu bukan rancangan Baginda s.a.w. Malah Baginda s.a.w. telah dibawa oleh isterinya Khadijah yang cukup mengenali Waraqah sebagai tempat rujukan agama yang jujur dan luas pengetahuannya. Ini menunjukkan tidak ada kemungkinan berlaku pakatan di antara Waraqah dan Rasulullah untuk menyokong Baginda s.a.w. Antara hikmat Nabi s.a.w. menurut kehendak isterinya Khadijah r.a. untuk pergi menemui Waraqah ialah beberapa perkara berikut ini: (a) Waraqah adalah seorang tua yang sangat 'alim dan berpengaruh dalam masyarakat. Kalau dia membenarkan Nabi s.a.w. dan menyokong Baginda s.a.w., tentulah rintangan dan halangan di jalan perjuangan Baginda s.a.w. sedikit sebanyak akan berkurang. (b) Nabi s.a.w. kiranya telah mengetahui kejujuran Waraqah dan kesahihan ilmu yang ada pada beliau. Kepergian Baginda untuk menemuinya tidak akan mengundang kerugian, malah akan membawa keuntungan dan meraih sokongan yang kuat. (c) Pengesahan Waraqah dan sokongan beliau terhadap Rasulullah s.a.w. sebagai Nabi akhir zaman selain dapat melemahkan semangat menentang masyarakat Quraisy, akan menarik perhatian Ahli Kitab yang lain kepada agama Islam. Pengikut-pengikut setia Waraqah tentunya akan menurut keputusan beliau untuk memeluk

Allah tidak akan menghinamu. Sesungguhnya engkau selalu menghubungi keluarga, menanggung beban orang-orang susah, mengusahakan sesuatu untuk orang yang tiada perusahaan, melayani tetamu dan membantu orang ketika bencana-bencana `alam menimpa".³⁰ Khadijah pun membawa Nabi s.a.w. pergi kepada Waraqah bin Naufal bin

agama Islam dan seterusnya membela Baginda s.a.w. (d) Menunjukkan kepada dunia bahawa pada ketika itu masih ada penganut agama Kristian yang mempunyai pengetahuan tentang Kitab Taurat dan Injil yang sebenar. Rupa-rupanya di dalam Kitab Taurat dan Injil yang sebenar itu terdapat perincian tentang Nabi akhir zaman seperti yang disebutkan oleh Waraqah di dalam hadits ini. Sesuatu yang pada ketika itu belum diketahui oleh Nabi s.a.w. sendiri sekalipun. Akan tetapi malang, kerana ma'lumat yang tepat dan jelas seperti itu hanya ada pada segelintir Ahli Kitab sahaja. Adapun kebanyakan Ahli Kitab, mereka hanya mendapat ma'lumat yang telah diselewengkan, kerana itulah yang tersebar secara meluas di kalangan mereka. **Jawapan kepada alasan (3) pula** ialah tidak timbul soal Nabi s.a.w. kerdil di hadapan seorang paderi Kristian dan agama Islam pula kelihatan hina di hadapan agama Kristian. Sebabnya ialah hadits ini sendiri menegaskan bahawa Waraqah dalam majlis itu juga menyatakan hasratnya membela Rasulullah s.a.w. Kerananya kebanyakan `ulama', termasuk Hafiz Ibnu Katsir, Hafiz Ibnu Hajar, al-Munaawi, al-Biqaa'i, Ibnu asy-Syahnah, Ibnu as-Sakan, an-Nawawi dan lain-lain mengesahkan keislamannya. Al-'Iraaqi (Abu al-Fadhl Zainuddin `Abdur Rahim bin al-Husain m.806H) malah mengatakan, Waraqah adalah salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dan beliau merupakan orang yang kedua selepas Khadijah r.a. memeluk agama Islam. Lihatlah beberapa bait nazam gubahan al-'Iraaqi di dalam Alfiah Sirahnya berhubung dengan Waraqah dan peristiwa yang sedang kita bicarakan ini:

جاء إلى خديجة الأمانة ◊ يشكو لها ما قد رآه حينه

Baginda pulang kepada Khadijah yang amanah. Lalu diceritakan kepadanya apa yang dilihatnya baru sebentar.

فتبينته إنها موفقة ◊ أول من قد ءامنت مصادقه

Teruslah Khadijah menetapkan hati Baginda. Sesungguhnya dia seorang yang beruntung. Dia adalah orang yang mula-mula beriman dan membenarkan (Baginda s.a.w.).

ثم أتت به تؤم ورقة ◊ قص عليه ما رأى فصداقه

Kemudian Khadijah membawa Nabi s.a.w. menemui Waraqah. (Maka) Berceritalah Nabi kepadanya tentang apa yang dialaminya. Sebaik selesai mendengar kisah itu, dia (Waraqah) terus membenarkan Baginda.

فهو الذي ءامن بعد ثانيا ◊ وكان براء صادقاً موافقاً

Dialah orang yang kedua beriman selepas Khadijah. Dia seorang yang memang baik, benar dan bersetuju (dengan kerasulan Nabi s.a.w.).

والصادق المصدق قال إنه ◊ رأى له تخصصاً في الجنة

(Nabi s.a.w.) Yang benar lagi dibenarkan bersabda: "Sesungguhnya Beliau s.a.w. nampak dia (Waraqah) sedang berseronok di dalam syurga.

Kalau begitu bagaimana akan timbul lagi soal kerdilnya Rasulullah s.a.w. di hadapan Waraqah dan hinanya Islam di hadapan agama Kristian?

³⁰ Melalui sifat-sifat mulia yang dimiliki oleh Nabi s.a.w. tersebut, Khadijah r.a. telah menyedari bahawa orang yang telah menemui Baginda s.a.w. di Gua Hira' itu tentunya bukan dari kalangan